

25/08/2003

Malu tonjol diri jadikan pemimpin belia berkarat

Nik Faizal Ibrahim

PERINGATAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada generasi muda supaya bijak menilai budaya dan tradisi yang hendak dikekalkan dalam usaha mengimbangi kemajuan dan identiti bangsa adalah tepat dan perlu diberi perhatian.

Tidak dinafikan Malaysia dirangkumi kebudayaan dan tradisi berbeza-beza berdasarkan variasi agama dan kaum serta mewarisi adat istiadat, budaya dan tradisi ditinggalkan nenek moyang kita sejak dulu lagi.

Bagaimanapun, sesetengah budaya dan tradisi itu tidak dapat menyumbang sepenuhnya ke arah membina bangsa yang maju, seterusnya mencerminkan identiti bangsa yang disegani. Antara budaya dan tradisi yang menghalang ialah perasaan malu menonjolkan diri di khalayak ramai atas alasan merendah diri dan menjauhi daripada rasa bongkak.

Kebanyakan belia sukar untuk tampil ke depan dalam menyahut seruan sama ada daripada pihak kerajaan atau atas nama tanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara. Sebagai contoh, tidak ramai remaja terutama Melayu dan beragama Islam terbabit dalam persatuan atau bergiat aktif dalam kegiatan sosial kerana menganggap diri mereka tidak layak atau masih kekampungan.

Pemikiran cetek inilah menyebabkan sesetengah persatuan belia ketandusan ketua atau pemimpin yang bakal meneruskan kesinambungan persatuan itu.

Sedangkan proses melahirkan ketua yang berkebolehan dan bertanggungjawab adalah suatu proses yang berterusan di samping memerlukan pengorbanan dan komitmen yang tinggi.

Sewajarnya pengkaderan pemimpin tidak terhenti pada peringkat sekolah atau universiti saja, sebaliknya perlu diteruskan dan dikembangkan oleh mereka, walaupun setelah tamat pengajian dan mempunyai jawatan serta gaji lumayan.

Kepintaran dalam mengadaptasi kebolehan atau potensi diri serta tunjuk ajar yang diperolehi melalui pengalaman dan pembelajaran bakal mencipta seseorang yang tahan lasak dari segi mental dan fizikal. Inilah faktor atau aspek penting yang diperlukan oleh sesebuah negara maju dan beridentiti tersendiri.

Rasa malu untuk menyerlah akan membantut potensi seseorang belia, terutama yang masih menuntut dalam membina peribadi yang unggul dan mantap ketika berkomunikasi dan social concern.

Pelajar ini akan menjadi pak turut dan kurang yakin untuk bangkit mencipta pembaharuan, tetapi mengimpikan supaya ia menjadi sesuatu yang ajaib dan tersedia di depan mata.

Akibatnya, kemampuan untuk menjana pemikiran yang bergerak lancar seperti digambarkan sebagai sebuah enjin kereta, akan berkarat dan bergerak lembap.

Prospek pelajar untuk menjadi pemegang ijazah pertama lebih tipis kerana antara faktor penyumbang anugerah ini ialah mereka yang aktif pada peringkat akademik mahupun kokurikulum.

Generasi muda perlulah menilai budaya dan tradisi mereka dan memastikan yang manakah lebih baik demi kemajuan masa depan yang gemilang sebuah negara yang bernama Malaysia.

NIK FAIZAL IBRAHIM,
Naib Presiden,
Persatuan Himpunan Melayu Muda Kelantan (Hikmah).